

UTUSAN MALAYSIA 21 FEB 2025 m/s: 3



RAJA Hamad Isa Al Khalifa menerima menghadap Anwar Ibrahim di Istana Sakhir, Manama, Bahrain semalam.

PM menghadap Raja Bahrain

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang dalam lawatan rasmi ke Bahrain telah menghadap Raja Bahrain. Raja Hamad Isa Al Khalifa di Istana Sakhir, Manama semalam.

Anwar berkata, beliau menzahirkan penghargaan kepada baginda atas layanan baik oleh Kerajaan Bahrain kepada delegasi Malaysia sepanjang lawatan rasmi itu.

Sesi menghadap itu menjadi wadah untuk memperteguhkan hubungan akrab antara kedua-dua negara menerusi pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama khususnya pelaburan dan perdagangan.

"Saya yakin hubungan baik Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dengan Raja Hamad turut memainkan peranan besar kepada pengukuhan kerjasama kedua-dua negara sekaligus membawa kemakmuran yang lebih besar kepada rakyat," kata Anwar.